

## Penerbit dan FKM anjur Bengkel Penilaian Jurnal Scopus UMP



Kuantan, 11 Ogos- Sebanyak 100 kertas artikel berjaya dinilai oleh editorial International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME) dan Journal of Mechanical Engineering and Sciences (JMES) dalam Bengkel Penilaian Jurnal SCOPUS UMP, di sini, baru-baru ini.

Bengkel kerjasama anjuran antara Penerbit, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Bahagian Latihan dan Pengembangan Kompetensi (BLPK) itu diadakan di Suria Cherating Beach Resort, di sini, selama 3 hari.

Menurut Editornya, Engr. Dr. Muhamad Mat Noor, lebih 1,000 kertas artikel telah diterima oleh pihaknya sejak IJAME dan JMES diterbitkan pada 2009 dan 2011. Jumlah permintaan untuk diterbitkan di dalam kedua jurnal itu meningkat dengan mendadak terutamanya selepas diindeks oleh SCOPUS.

"Sehingga kini sebanyak 233 daripada 650 kertas artikel telah diterbitkan dalam IJAME dan 149 daripada 380 kertas artikel diterbitkan dalam JMES.

"Kita amat memerlukan penilai dalaman dan luaran yang berkualiti untuk menilai artikel yang di hantar kepada IJAME dan JMES setiap hari" katanya, di sini.



Bengkel disertai oleh editorial IJAME dan JMES i Profesor Dr Mustafizur Rahman, Engr. Dr Muhamad Mat Noor, Engr. Dr. Kumaran Kadrigama, Profesor Madya Dr Rizalman Mamat, Profesor Datuk Dr Rosli Abu Bakar, Engr. Dr Devarajan Ramasamy, Dr Ftwi Yohaness Hagos, Hasrulazmi Hanafi dan Md Mehdi Hassan.

Sementara itu, Pengarah Penerbit, Profesor Madya Dr Mohd Ghani Awang berkata, aktiviti terbabit akan menjadi acara dwi-tahunan kepada Penerbit dan FKM berikutkan lambakan kerja-kerja penilaian artikel yang perlu dilaksanakan oleh sidang editor IJAME dan JMES.

Katanya, pihaknya bersedia untuk membantu editorial IJAME dan JMES dari segi teknikal untuk melancarkan proses penerbitan.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 11-08-2015, 16:49:57